



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkeelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------|--|
| 1.1 | Jawatan | : Pengarah Klinikal Hospital Universiti Malaysia Sabah |
| 1.2 | Gred | : Pensyarah Perubatan Gred DU54 hingga VK7/
Pegawai Perubatan Gred UD53 |
| 1.3 | Tangga Gaji | : RM6,011.00 hingga RM14,587.54 |
| 1.4 | Taraf Lantikan | : Jawatan Pentadbiran |
| 1.5 | Tempoh Lantikan | : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBP)) |
| 1.6 | Kelayakan | : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor Madya Perubatan/Pegawai Perubatan Berdaftar |

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria bagi seorang calon adalah diselaraskan dengan keperluan Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS) berdasarkan kepada kelulusan Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Pengurusan, Pengarah Klinikal dan Pengarah Kewangan di Hospital Pengajar Universiti Malaysia Sabah yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah (LPU) Bil. 6/2017 pada 22 November 2017 seperti berikut:

- a) **Kepakaran Akademik dan Pentadbiran Klinikal** – mempunyai kepakaran dan pengalaman pentadbiran dalam pengurusan klinikal seperti pengurusan farmasi, perkhidmatan klinikal, perlesenan, akreditasi dan pematuhan CKAPS serta sokongan klinikal seperti pengurusan aset klinikal, peralatan, instrumentasi, teknologi maklumat hospital (THIS) dan perkhidmatan sokongan klinikal.
- b) **Memimpin dan Mengurus** – mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, menggerakkan pasukan, mempunyai gagasan, visi dan misi jelas serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke aras budaya kecemerlangan.
- c) **Komunikasi** – memiliki kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap.

- d) **Reputasi** – menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati masyarakat di dalam dan di luar kampus.
- e) **Personaliti** – penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, berpandangan jauh, pemikiran yang rasional, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) **Proaktif** – mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi, konstruktif, saintifik, progresif, inovatif, kritikal, global serta analitikal.
- g) **Dinamik** – mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) **Pengurusan Konflik** – berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskan dengan baik dan berhemah.
- i) **Potensi** – mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan.
- j) **Jati Diri** – mempunyai sifat jati diri dan patriotik, beretika, berintegriti dan berakhlak mulia.
- k) **Adaptasi Teknologi** - Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- l) Disahkan sihat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
 - a) *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran paspot; dan
 - b) *Key Performance Indicator* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) Encik Mohd. Raffie Hj. Janau
Ketua Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
No. Tel : 088320000 (samb: 1077)
Emel : raffiejj@ums.edu.my
- b) Encik Ismail Ladama
Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
No. Tel : 088320000 (samb: 1444)
Emel : mail@ums.edu.my

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu
Sabah

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 6 Mei 2019 (Isnin).**

3.6 Proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka di mana pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilih.